

Koperasi Tunas Muda
Sungai Ara Berhad

Buletin Tunas Muda

> Ahmad Jasmi Ghazali



Encik Ir. Mansor Bin Musa

Dari Meja Pengerusi

Assalamualaikum W.B.T dan Salam
Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Editor Buletin Tunas Muda di atas penghormatan untuk saya memberi kata-kata aluan dalam Buletin Tunas Muda yang ke sebelas dalam pengeluaran.

Sebagai sebuah Koperasi, interaksi di antara pengurusan dengan anggota perlu dipertingkatkan. Oleh itu saya amat mengalu-alukan kehadiran Buletin Tunas Muda ini yang di harap akan memberi faedah dan pendedahan kepada anggota tentang perkembangan semasa melalui aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi.

Saya juga amat bersyukur kepada Allah S.W.T kerana sudah hampir 43 tahun Koperasi ini di tubuhkan. Selama kewujudan Koperasi ini tentunya kejayaan yang diperolehi bukan setakat kemegahan tetapi perlu disusuli dengan peningkatan faedah-faedah kepada anggota Koperasi contohnya seperti duit raya tahunan, skim insuran kelompok, khariat kematian, bantuan bencana alam, biasiswa dan

dermasiswa untuk anak anggota dan rumah peruntukan kepada anggota.

Pergerakan Koperasi kini diharap oleh pihak Kerajaan untuk berperanan sebagai sektor ketiga dalam pembangunan negara. Sebagai sektor ketiga, Koperasi perlu turut menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara terutamanya menyediakan peluang-peluang perniagaan di kalangan masyarakat terutamanya di kalangan anggota, anak-anak anggota serta keluarga anggota. Ini adalah satu cabaran dan perlu diusahakan oleh Koperasi di dalam mempertingkatkan taraf hidup anggota.

Kejayaan perlulah selari dengan peningkatan semangat kerjasama di kalangan anggota untuk menjayakan aktiviti-aktiviti Koperasi. Koperasi mampu menjalankan perniagaannya sekiranya tanah-tanah milik Koperasi telah dibangunkan sama sekali. Dengan aset yang berbentuk bangunan, rumah kedai, pajakan tanah serta pencarian bank tanah, Koperasi boleh menjalankan perniagaannya.

Harapan-harapan ini hanya dapat dijayakan sekiranya di kalangan anggota, Lembaga Pengarah dan pengurusan mempunyai kesepaduan dari aspek matlamat dan cara bertindak serta bekerja. Kita perlu fokus dan memberi keutamaan kepada anggota, cekap bertindak serta pematuhan peraturan dan undang-undang merupakan amanah yang dipertanggungjawab kepada kita semua.

MEREALISASIKAN IMPIAN ANGGOTA

>> oleh: Saidin Ab. Hamid

43 tahun adalah satu angka yang cukup matang bagi sesebuah Koperasi untuk merealisasikan janji-janji kepada anggota-anggotanya. Kerbau dipegang pada talinya manusia dipegang pada janjinya. 1 April 1984 merupakan tarikh keramat bagi semua anggota-anggota Koperasi. Harapan untuk memiliki rumah dan tanah sendiri terasa begitu hampir untuk dicapai.

Namun begitu setelah 24 tahun telah berlalu, hanya seramai 826 anggota Koperasi yang telah menerima peruntukan mereka secara fizikal manakala bakinya 508 anggota lagi masih menunggu rumah peruntukan untuk didiami walaupun tawaran secara bertulis telah lama dikeluarkan oleh Koperasi dan dipersetujui oleh Anggota. Tidak kurang juga anggota-anggota asal Koperasi yang telah kembali ke Rahmatullah tanpa sempat mendiami rumah peruntukan yang dijanjikan. Koperasi kini bertekad untuk mengotakan janji yang telah dibuat kepada anggota-anggotanya 25 tahun yang lalu.

Matlamat ini hanya dapat dicapai sekiranya Koperasi mempunyai sumbar kewangan yang mencukupi. Kos untuk menyelesaikan peruntukan ini di anggarkan sebanyak RM60 juta. Kos pelaksanaan projek peruntukan anggota adalah seperti berikut :-

BIL.	PERLAKSANAAN	PROJEK	KELUASAN (EKAR)	KOS (JUTA)
1.	2008	Kpg Perlis Fasa 1	40	30
2.	2009	Sg. Tiram Fasa 1	25	15
3.	2009	Relau Fasa 1B	4	15
Jumlah			74	60

Semua projek ini dijangka siap dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pelaksanaan.

Bagi menjana pendapatan yang mencukupi, Lembaga bercadang untuk melaksanakan projek perumahan seluas 102 ekar di Kampung Perlis dengan cara seperti berikut:-



BIL.	KELUASAN (EKAR)	PROJEK	KAEDAH	KEUNTUNGAN (JUTA)
1.	40.0	Perumahan Anggota	Bina Sendiri	-
2.	60.55	Jualan	Usahasama	184

Pada 10 Disember 2008 pihak Koperasi telah menandatangani perjanjian secara usahasama dengan pihak Ideal Property Development Sdn Bhd untuk memajukan tanah seluas 60.55 ekar di Kampung Perlis. Menerusi usahasama ini pihak Koperasi akan memperolehi pendapatan sebanyak RM184 Juta. Dana yang diperolehi ini akan digunakan untuk mempercepatkan pembinaan projek-projek rumah peruntukan anggota seperti yang disebut diatas. Tidak mustahil keuntungan yang diperolehi ini mampu digunakan untuk memberi peruntukan kedua kepada anggota-anggota Koperasi.

Anggota yang terlibat dengan pembangunan di Kampung Perlis tidak perlu risau kerana Anggota Lembaga telah mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan rumah-rumah peruntukan pilihan mereka disiapkan terlebih dahulu dan anggota berkenaan boleh terus berpindah ke rumah peruntukan tanpa perlu berpindah ke rumah transit. Koperasi cuma menagih kerjasama sepenuhnya dari anggota Koperasi khususnya di kawasan Kampung Perlis untuk menjayakan projek usahasama dengan pihak Ideal Property Development Sdn Bhd.

ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH

>> oleh: Lili Hasliza M. Sharif

ANGGOTA LEMBAGA BAGI TAHUN 2008/2009

1. Ir. Mansor bin Musa *PKT., PJK* (2176) – **Pengerusi**
2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) – **Setiausaha**
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) – **Bendahari**
4. Tuan Haji Rahim bin Osman (2336)
5. Encik Mohd. Razib bin Arshad (1839)
6. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (1990)
7. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)
8. Tuan Haji Abdul Majid bin Makam *PJM* (0014)
9. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad (0946)
10. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
11. Encik Yong Chin Foo (1726)
12. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2008/2009

1. Tuan Haji Wahab bin Nor (1623)
2. Puan Hajjah Syarifah Chik binti Syed Abdullah (0090)
3. Encik Abdul Rahim bin Abdul Razak (2330)
4. Encik Ibrahim bin Yahaya (2086)
5. Encik Razak bin Maidin (2127)

JAWATANKUASA KERJA (EXCO) 2008/2009

1. Ir. Mansor bin Musa *PKT., PJK* (2176) – **Pengerusi**
2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) – **Setiausaha**
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) – **Bendahari**
4. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
5. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad (0946)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL SEBUTHARGA TAHUN 2008/2009

1. Ir. Mansor bin Musa *PKT., PJK* (2176) – **Pengerusi**
2. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) – **Setiausaha**
3. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) – **Bendahari**

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL TENDER TAHUN 2008/2009

1. Ir. Mansor bin Musa *PKT., PJK* (2176) – **Pengerusi**
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PENINGKATAN PERKHIDMATAN KEPADA ANGGOTA TAHUN 2008/2009

1. Tuan Haji Abd. Majid bin Makam *PJM* (0014) – **Pengerusi**
2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
3. Encik Mohd. Daud bin Saod (0365)

4. Encik Nadarajan a/l Muniandy (0807)
5. Encik Choo Choon Huah (1651)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PERUMAHAN ANGGOTA TAHUN 2008/2009

1. Ir. Mansor bin Musa *PKT., PJK* (2176) – **Pengerusi**
2. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
3. Encik Yong Chin Foo (1726)
4. Encik Sivananthan Pillay a/l Palani (2078)
5. Encik Rameli bin Budin (2693)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL KAWALAN BANGUNAN DAN PENGUSAHA DI ATAS TANAH KTMSAB TAHUN 2008/2009

1. Dr. Rahmad bin Zakaria (2379) – **Pengerusi**
2. Puan Zaini binti Taib (2185)
3. Tuan Haji Aboo Bakar bin Mohamad Yusoff (0639)
4. Tuan Haji Arbayee bin Ibrahim (2233)
5. Encik Hong Soo Yang (2046)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL HUTANG PIUTANG TAHUN 2008/2009

1. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204) – **Pengerusi**
2. Encik Tan Seng Chong (2485)
3. Encik Kamarudin bin Bidin (2526)
4. Tuan Haji Jamil bin Ishak (1803)
5. Encik Abd. Malik bin Mat (2576)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN WANITA TAHUN 2008/2009

1. Puan Hayati Binti Dato' Ismail (2539) – **Pengerusi**
2. Puan Pauziah binti Ismail (2365)
3. Puan Tong Ah Noy@Tong Guat Kooi (1674)
4. Puan Che Sam binti Saiboo (2076)
5. Puan Mariani binti Mat Tasar (2587)
6. Puan Siti Fatimah binti Mat (1942)
7. Puan Norsiah @ Noorah binti Bakar (1335)
8. Puan Azinee binti Abu Bakar (2487)
9. Puan Che Sayang binti Mustakim (2534)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL PENDIDIKAN DAN LATIHAN TAHUN 2008/2009

1. Ir. Mansor bin Musa *PKT., PJK* (2176) – **Pengerusi**
2. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)
3. Encik Sabri bin Abdul Rani (2652)
4. Puan Rosiah binti Yusoff (2536)
5. Puan Mendarbi binti Mydeen Meerana (1328)

Program Latihan MKM Bagi Bulan Apr Hingga Jun 2009

>> oleh: Lili Hasliza M. Sharif

KOD/NAMA KURSUS	SASARAN	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH/TEMPOH KURSUS
IDA 101 Asas Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> • Bendahari • Jawatankuasa audit Dalam (JAD) • Kakitangan Kewangan • Pegawai Agensi yang menyelia Koperasi 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat :-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. memahami konsep dan prinsip dalam perakaunan. 2. mengenal pasti akaun dan buku-buku akaun yang perlu disimpan oleh koperasi. 3. mengetahui proses merekodkan urusan niaga koperasi dengan cara yang betul dan teratur dan menyediakan laporan berkaitan. 	04/05 - 08/05/2009 (5 hari)
IDB 701 Asas Keusahawanan Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) • Jawatankuasa Kecil Koperasi • Pengurus Koperasi • Pengurus Projek • Kakitangan Kanan Koperasi • Pegawai Agensi yang menyelia Koperasi • Anggota Koperasi • Individu/usahawan 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat :-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. mengetahui, memahami dan sekali gus menerapkan ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan dalam mengerakkan perniagaan koperasi. 	11/05 - 14/05/2009 (4 hari)
IDC 728 Peluang Perniagaan Industri Pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • J/K Audit Dalam Koperasi • Jawatankuasa Kecil Koperasi • Pegawai Agensi yang menyelia Koperasi • Individu/usahawan 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat :-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menerangkan prosedur permohonan lesen pelancongan. 2. mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dalam sektor pelancongan. 	18/05 - 20/05//2009 (3 hari)
IDT 430 Asas Komputer & Aplikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Aggota Lembaga Koperasi • Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) • Jawatankuasa Kecil Koperasi • Pegawai Agensi yang menyelia Koperasi • Kakitangan Koperasi • Anggota Koperasi 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat :-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. mengenali sistem komputer dan mengetahui faedah-faedah penggunaan computer peribadi. 2. mengenali dan menggunakan pakej aplikasi pemprosesan teks. 	08/06 - 12/06/09 (5 hari)
IDB 724 Keusahawanan dalam perniagaan kek dan bakeri	<ul style="list-style-type: none"> • Anggota Lembaga Koperasi • Pengurus Koperasi • Kakitangan Koperasi • Pegawai Agensi yang menyelia Koperasi • Anggota koperasi • Individu / usahawan 	<p>Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. mengenal pasti teknik memproses serta mengusahakan perniagaan kek dan bakeri menggunakan teknologi/kaedah pemprosesan secara komersial. 2. pendedahan mengenai kawalan mutu, kebersihan dan sanitasi pengeluaran kek dan bakeri. 3. memahami konsep pengurusan perniagaan dan pemasaran kek dan bakeri secara komersial. 4. membentuk cadangan perniagaan kek dan bakeri secara komersial. 	01/06 - 05/06/2009 (5 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikut kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Mohd Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 04-643 8515

Sidang Pengarang

Ketua Pengarang	: Tuan Haji Mazlun B. Mustaffa	Pemberita	: Puan Norizan Bt. Abdul Rahman (THSB)
Pengarang & Grafik	: Encik Mohd Hilmi B. Rashid	Pemberita	: Cik Nur Zafirah Bt. Mohamad Zabidi (Pelajar Pratikal)
Pemberita	: Encik Saidin B. Ab. Hamid	Percetakan / Penedaran	: Puan Hajjah Che Maimunah Bt. Kassim
Pemberita	: Puan Norliza Bt. Md. Tahir	Jurugambar	: Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali
Pemberita	: Encik Hamzah B. Musa (THSB)		
Pemberita	: Puan Lili Hasliza Bt. M. Sharif (STSB)		

INFO PEMBANGUNAN

>> oleh: Norizan Abdul Rahman

PANGSAPURI IDAMAN CEMPAKA, TAMAN TUNAS IDAMAN FASA 1B

Pelancaran Projek Relau/Pagar Buloh Fasa 1B atau dikenali sebagai Pangsapuri Idaman Cempaka telah diadakan pada 17 Ogos 2008. Semasa pelancaran harga jualan adalah sebanyak RM180,500.00. Penurunan harga minyak dipasaran dunia telah menyebabkan penurunan harga bahan binaan dan sebagai pemaju yang prihatin pihak Koperasi menurunkan harga jualan pangsapuri tersebut kepada RM166,000.00.

Pelancaran semula akan diadakan pada minggu pertama bulan Mac 2009. Unit contoh juga akan dibina di kawasan taman ini. Jangkaan siap unit contoh tersebut adalah pada pertengahan April 2009.

Keluasan unit ini adalah 750 kaki persegi. Kemudahan yang di adakan di sini adalah Taman Permainan Kanak-Kanak, tempat letak kereta berbumbung, landskap, dewan, surau dan lain-lain kemudahan awam.



Projek Dalam Pelaksanaan

>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK 340 UNIT PANGSAPURI KOS SEDERHANA – SAUJANA DAMAI

Pangsapuri ini di jangka akan memperoleh Sijil Penghunan pada bulan April 2009. Terdapat dua blok pangsapuri iaitu Blok A dan B. Blok A dibina untuk peruntukan anggota dan Blok B untuk jualan. Semua unit jualan telah habis di jual.



Projek Dalam Pelaksanaan

>> Ahmad Jasmi Ghazali



Projek Dalam Pelaksanaan

>> Ahmad Jasmi Ghazali

PROJEK 90 UNIT PANGSAPURI KOS SEDERHANA – SERI NILAM

Kesemua 90 unit pangsapuri ini di buka untuk jualan. Semua unit telah habis dijual Sijil Penghunan di jangka akan diperolehi dalam bulan Jun 2009.

PROJEK JALAN TENGAH FASA 7A

Sehingga kini kemajuan kerja-kerja di tapak adalah lebih kurang 55%. Pembinaan Projek Jalan Tengah Fasa 7A Sungai Ara mempunyai 3 unit rumah sesebuah 2 tingkat, 26 unit rumah berkembar 2 tingkat dan sebuah pencawang TNB untuk skim rumah peruntukan anggota.



Projek Dalam Pelaksanaan

>> Ahmad Jasmi Ghazali

Informasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang diperolehi di Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang. Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 04-2621957 ext 5373

RANGKAIAN PERNIAGAAN

>> oleh: Norliza Bt. Md. Tahir



Ingin menjadi francais @ Pengedar produk pakaian muslim jenama Shamensi.
Sila hubungi :
Pn Arizan Ahmad 04-643 8515
En. Mahadi Ahmad 019-368 5679



Ingin menjadi pembekal serunding daging & ayam yang diambil terus dari Kelantan.

Sila hubungi :
En. Mohd Nazif Abdullah
013-465 6680,
012-435 9085



Ingin membeli produk kesihatan minda Adi-Q. Membantu berfungsi otak kiri & kanan dengan sempurna.

Sila hubungi :
Puan Asmahan 016-469 7998, 016-416 7096, 04-646 8911



Tempahan baju kurung untuk kanak-kanak & dewasa dengan harga berpatutan & jahitan yang kemas.

Sila hubungi :
Puan Latipah 012-577 3384



Hiasan landskap rumah & komersial Harga berpatutan, berkualiti & kreatif.

Sila hubungi :
En. Suhaiddi @ En. Aziz 04-645 1607
Sri Tunas Edar Sdn Bhd (Anak Syarikat Koperasi)



Ingin membuka pasar raya mini berlegkapan mini halal hub.

Sila hubungi :
Pn Arizan Ahmad 04-643 8515 |
En. Haairul Akhmal Md Zain 012-272 2030

SANA-SINI

>> oleh: Hamzah Musa

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI YANG TELAH DIADAKAN PADA HARI SABTU 18HB OKTOBER 2008.



"Dengar-dengar itu, tabuh telah berbunyi, sebulan puasa, tamatlah hari ini... Alhamdulillah"... Begitulah kemeriahan majlis sambutan hari raya aidilfitri yang telah diadakan di perkarangan pejabat KTMSAB yang telah dihadiri oleh Anggota Lembaga Pengarah, anggota koperasi dan masyarakat setempat.



"Gong xi fa chai"... pemberian duit raya kepada anggota berbangsa cina telah dimulakan pada 21hb Januari 2009 di perkarangan pejabat Koperasi.

MAJLIS BERBUKA PUASA SERTA SUMBANGAN WANG RAYA KEPADA SURAU DAN MASJID SERTA GOLONGAN FAKIR MISKIN YANG DIADAKAN PADA 19HB SEPTEMBER 2008 DI PERKARANGAN PEJABAT KTMSAB.



"Sabar dan syukur Alhamdulillah"... Majlis berbuka puasa dan sumbangan duit raya kepada wakil surau dan masjid serta fakir miskin yang berada di kawasan tanah KTMSAB dan majlis diteruskan dengan bacaan yasin, tahlil dan doa selamat. Majlis tersebut diadakan di perkarangan pejabat Koperasi.

TAKLIMAT KHAS MENGENAI REKUISISI DAN ISU 'TURNKEY' PROJEK KG PERLIS DIADAKAN PADA 18 JAN 2009 DI TABUNG HAJI, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.



"Penjelasan"..... Taklimat khas yang diadakan di Tabung Haji, Bayan Lepas, pada 18 Jan 2009 jam 9.00 pagi dihadiri oleh pihak SKM serta anggota-anggota yang menandatangani surat rekuisisi untuk di adakan Mesyuarat Agung Khas telah mendapat penjelasan daripada Pegawai Koperasi.



Perkhidmatan make-up (semua majlis), baju pengantin, pelamin / bilik / meja makan, gubahan hantaran, sewa dulang dan lain-lain.

Sila hubungi :
Sani 012-461 3264

KHIDMAT ANGGOTA

>> oleh: Lili Hasliza M. Sharif



Anggota Meninggal (Tidak Aktif)
Waris perlu mengambil tindakan segera untuk menguruskan pertukaran anggota.
Sila hubungi Unit Keanggotaan untuk keterangan lanjut:
04-643 8515
(Pn. Norshidah / Cik Sazwani)



* Anggota yang belum memberi gambar untuk dimasukkan ke dalam sistem, diminta berbuat demikian dengan kadar segera.

* Anggota yang belum memberi nombor akaun bank untuk kemasukan dividen, diminta berbuat demikian dengan kadar segera.

Bantuan Kebajikan Am (Khairat Kematian) Tahun 2009 (RM 2,500.00 Seorang)

>> oleh: Lili Hasliza M. Sharif

AL-FATIHAN / TAKZIAH

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	UMUR	TARIKH MENINGGAL
1	KARDIMAN BIN AHMAD KASBI	1272	83	11/1/2009
2	AHMAD BIN BAHAROM	1850	59	13/1/2009
3	HASAK BIN MAT HUSSAIN	2213	60	4/2/2009
4	IBRAHIM BIN OSMAN	241	80	12/2/2009
5	TAN SWEE KIM	1088	68	27/2/2009
6	KELSOM BINTI CHIK	2518	63	28/2/2009
7	SIM TENG KHENG	1452	61	16/3/2009

Bantuan Kebajikan Am (Bencana Alam) Tahun JUL - DIS 2008

>> oleh: Lili Hasliza M. Sharif

BIL	NAMA / NO. ANGGOTA	BENCANA ALAM	TARIKH KEJADIAN	BANTUAN
1	SUFIAH BINTI OTHMAN (1423)	HUJAN LEBAT (RUMAH MASUK AIR)	2/7/2008	RM 200
2	SALMIAH YAHAYA (2241)	HUJAN LEBAT (RUMAH MASUK AIR)	6/9/2008	RM 1,500
3	JAAFAR HUSSAIN (268)	HUJAN LEBAT (RUMAH MASUK AIR)	6/9/2008	RM 1,500
4	AMINAH MAT SAIN (2125)	KEBAKARAN	19/9/2008	RM 500
5	ZUBIR BIN RAHMAN (1793)	POKOK TUMBANG	22/9/2008	RM 500

SUDUT IT

Enjin Carian

>> oleh: Nur Zafirah Mohamad Zabidi



Apa itu Enjin Carian?

Enjin carian ialah sebuah pangkalan data yang menyimpan pautan-pautan laman web dan kata kunci atau frasa. Apabila anda menaip kata kunci 'Malaysia' pada Google atau Yahoo! misalnya, enjin carian akan mencari kata kunci yang dimasukkan dengan kata kunci yang terdapat di dalam indeks pangkalan data. Apabila kata kunci 'Malaysia' dijumpai, maka laman web yang berkaitan dengan 'Malaysia' akan dipaparkan kepada anda.

Walau bagaimanapun, tidak semua enjin carian adalah sama. Sesetengah enjin carian akan mengindeks nama tajuk halaman sahaja, sesetengah enjin carian pula hanya akan mengindeks kandungan sahaja.

Umumnya, servis carian internet boleh dikategorikan kepada dua: direktori dan enjin pencari. Ramai yang keliru dengan kedua-dua terma ini, sehingga ada yang merujuk Yahoo! sebagai sebuah enjin pencari. Sebenarnya Yahoo! ialah sebuah direktori, bukan enjin pencari. Kekeliruan ini berlaku mungkin disebabkan penggunaan butang 'search' yang disediakan kepada pengguna. Ini boleh disalah ertikan oleh pengguna yang akan menganggap servis yang digunakan adalah sebuah enjin pencari.

Apa yang membezakan antara enjin pencari dengan direktori ialah, pangkalan data bagi direktori mengandungi senarai alamat web yang dimasukkan oleh manusia manakala pangkalan data bagi enjin pencari pula dikompil melalui perisian robot yang dipanggil 'spiders'. Spiders digunakan untuk mengumpul maklumat yang terdapat di dalam sesebuah laman web.

Bagaimana Enjin Pencari Berfungsi?

Apabila program spider masuk ke dalam sesebuah laman web, ia akan melakukan satu proses yang dipanggil sebagai crawling atau spidering. Dalam proses ini spider akan mengumpul semua perkataan dan frasa yang terdapat di dalam laman web tersebut dimana perkataan-perkataan ini akan diindekskan ke dalam pangkalan data. Kaedah ini juga dikenali sebagai indexing.



KHASIAT BUAH KURMA

>> oleh: Norliza Bt. Md. Tahir

"Berilah makan buah kurma kepada isteri-isteri kamu yang hamil, kerana sekiranya wanita hamil itu memakan buah kurma, nescaya anak yang bakal dilahirkan itu menjadi anak yang penyabar, bersopan santun serta cerdas pemikirannya."

"Orang yang memakan 7 buah kurma yang baik sebelum sarapan, maka pada hari itu dia tidak akan tertimpa racun, sihir dan tidak diganggu setan"

"Barangsiapa memakan 7 buah kurma yang baik, maka cacing-cacing yang ada di dalam perutnya akan mati".



KHASIAT KISMIS

>> oleh: Hamzah Musa

Biasakanlah memakan kismis kerana kismis dapat menghilangkan kepahitan(hempedu/cairan kuning), menghilangkan lendir, menyihatkan badan, membaguskan rupa, menguatkan saraf dan menghilangkan letih".

Kismis dapat menguatkan jantung, menghilangkan penyakit, menghilangkan panas dan memulihkan kesihatan jiwa".

Sila kemaskini alamat surat menyurat / telefon tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-



**Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.**

MAKLUMAT PERTUKARAN PERIBADI ANGGOTA

Pertukaran alamat surat menyurat / telefon saya adalah seperti berikut:-

Nama..... No. Anggota.....

No. Kad Pengenalan..... No. Telefon.....

Alamat Baru.....

Tandatangan..... Tarikh.....



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

KOPERASITUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,

Taman Tunas Muda, Sungai Ara,

11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Tel: 04-6438515 Fax: 04-6437507